

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN
RANCANGAN MALAYSIA KE SEPULUH (RMKE-10)
NEGERI SEMBILAN**

Tujuan

Dokumen ini menetapkan garis panduan mengenai penyediaan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10), 2011-2015. Tujuan dokumen ini adalah untuk mendapatkan cadangan program dan projek RMKe-10 daripada Jabatan/Badan Berkanun/Pejabat Tanah/Daerah dan Unit.

Dasar dan Strategi RMKe-10

2. Negeri Sembilan sedang melangkah ke arah fasa pertengahan 5 tahun dalam usahanya mencapai matlamat negeri maju pada tahun 2020 dengan kehidupan masyarakat berteraskan kepada Adat Perpatih dan budaya tempatan. Dengan yang demikian, cabaran utama RMKe-10 ialah melonjakkan prestasi dan kemampuan negeri ke tahap yang lebih cemerlang untuk mendepani cabaran semasa di sebalik perubahan persekitaran yang semakin tidak menentu.
3. Negeri Sembilan berhasrat mengukuhkan daya saing dan daya tahannya dengan mempelbagaikan aktiviti ekonomi berasaskan pengetahuan melalui usaha memfokuskan kepada 3 sektor iaitu perkhidmatan, pengeluaran dan pertanian. Ketiga-tiga sektor berkenaan akan dirangsang dengan pembentukan modal insan yang berintegriti dan berkemahiran, teknologi ICT yang menepati keperluan semasa dan infrastruktur yang efisien dan menyeluruh.
4. Dalam masa yang sama, ketika usaha digiatkan untuk mencapai status negeri maju, Negeri Sembilan menyedari masih terdapat sekelompok rakyat yang miskin dan masih memerlukan bantuan. Oleh yang demikian, Negeri Sembilan berhasrat memperkemaskan Dasar Jaringan Keselamatan Sosial dengan penyediaan bantuan dan peluang untuk meneruskan kelangsungan hidup seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan. Penekanan juga diberikan kepada pengagihan hasil ekonomi secara saksama kepada rakyat melalui slogan 'Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Prestasi Diutamakan' oleh YAB Perdana Menteri. Usaha-usaha ini akan digiatkan untuk mengekal dan mempertingkatkan taraf kualiti hidup rakyat Negeri Sembilan.

5. Teras utama RMKe-10 ialah mempertingkatkan, mempelbagaikan dan memperkukuhkan aktiviti ekonomi negeri dengan cara menyeimbangkan pembangunan di bandar dan luar bandar seluruh Negeri Sembilan. Bandar-bandar kecil yang berpotensi sebagai nukleus/nodus pembangunan baru akan dibangunkan secara beransur-ansur. Pembangunan dalam RMKe-10 akan mempertingkatkan tumpuan kepada beberapa bidang strategik iaitu pelancongan, perindustrian, pertanian, pembangunan modal insan yang berintegriti dan berkemahiran, bioteknologi, penyediaan teknologi ICT yang menepati kehendak semasa dan pembangunan usahawan Bumiputera yang berdaya saing.

Perspektif Ekonomi Makro

6. Dalam tempoh RMKe-10, teras dasar ekonomi negeri akan tertumpu kepada usaha menyeimbangkan pembangunan bandar dan luar bandar dengan penekanan kepada sektor pelancongan, perindustrian dan pertanian. Negeri Sembilan berhasrat menggalakkan pembangunan sektor perkhidmatan yang boleh mencipta rantai barangan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai yang ditambah. Dengan cara ini, Kerajaan Negeri berharap akan mencapai purata 7.5 – 8 % pertumbuhan KDNK Negeri pada setiap tahun. Pengurusan fiskal dan kewangan yang cekap dan berhemat akan ditekankan.

7. Pembangunan modal insan yang berintegriti dan mahir akan terus menyokong ke arah mencapai negeri maju. Negeri Sembilan berhasrat memperkukuhkan pengajian Islam dan moral dengan pembangunan institusi latihan berasaskan kemahiran tinggi di setiap daerah. Penyediaan infrastruktur dan operasi pengangkutan awam dan logistik juga akan diberi tumpuan khusus bagi mencapai pembangunan mapan dan lestari. Dalam hal ini, Negeri Sembilan berhasrat mengurangkan pembangunan berselerak (*urban sprawl*) terutama di kawasan bandar dan menyediakan infrastruktur pengangkutan awam yang efisien sama ada di bandar dan luar bandar untuk menyokong sistem pengangkutan awam yang berdaya-maju.

Agenda khusus

8. Usaha-usaha penggalakan penyertaan usahawan Bumiputera dalam sektor pembuatan, pertanian dan pelancongan akan terus dipertingkatkan. Dalam hal ini, peluang untuk penyertaan dalam *National Feedlot Centre* dan rantaianya dan *Halal Hub* di Pedas akan ditingkatkan bagi mencapai hasrat melahirkan 4,300 usahawan Bumiputra yang berjaya menjelang 2015.

9. Dalam aspek pembasmian kemiskinan, usaha akan ditumpukan kepada pembasmian kemiskinan bandar dan luar bandar. Peluang yang luas akan disediakan kepada golongan berpendapatan rendah untuk mengurangkan jurang pendapatan di kalangan rakyat negeri ini.

10. Dalam aspek pembangunan wilayah, pembangunan seimbang di antara bandar dan luar bandar akan ditekankan. Pekan-pekan kecil yang berpotensi dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan baru akan dikenal-pasti bagi memastikan kawasan Negeri Sembilan Timur dan Selatan dibangunkan untuk menyeimbangi kepesatan pembangunan di Negeri Sembilan Barat.

Pembangunan Sektoral

11. **Sektor perkhidmatan** akan menjadi peneraju pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri maju. Justeru, penekanan yang khusus akan diberikan kepada usaha memajukan dan mempertingkatkan daya saing sektor kecil perkhidmatan terutamanya pelancongan di samping sektor-sektor lain seperti kewangan, perbankan dan insurans, perdagangan, pengedaran, pendidikan, komunikasi dan perkhidmatan profesional. Dalam hal ini, Negeri Sembilan berhasrat mencapai sasaran 30% daripada KDNK negeri disumbangkan melalui sektor kecil pelancongan manakala 25% disumbangkan oleh sektor-sektor kecil perkhidmatan lain. Oleh yang demikian, bagi mencapai hasrat berkenaan, promosi pelancongan akan dipertingkatkan bagi menarik pelancong yang berpotensi, memberi daya tarikan dan gambaran mengenai Negeri Sembilan, menjadikan Port Dickson sebagai destinasi yang bertaraf dunia selaras dengan statusnya sebagai 'Pantai Peranginan Negara', memantapkan penawaran pelbagai produk pelancongan sedia ada di setiap daerah, menyediakan maklumat terkini dan tepat sebagai rujukan untuk menggubal dasar dan memastikan sumber manusia yang kompeten dalam pengurusan pelancongan.

12. **Sektor pembuatan** adalah sangat penting bagi mempercepat pertumbuhan dan peningkatan eksport khususnya untuk menggiatkan usaha menarik pelaburan langsung asing dan tempatan. Di samping itu, pembuatan penting untuk meningkatkan produktiviti agar terus dapat bersaing di dengan negeri-negeri yang mempunyai sektor perindustrian yang berjaya seperti Pulau Pinang, Selangor dan Johor. Strategi objektif yang telah dikenal pasti bagi mencapai hasrat berkenaan ialah mencari kaedah dan satu tujuan baru pembangunan perindustrian antaranya, dengan meneroka lebih jauh potensi industri bioteknologi dengan menjadikan Nilai sebagai pusat pengeluaran dan aktiviti hiliran manakala Jelevu sebagai pusat aktiviti hulu yang dikenali sebagai Lembah Bio. Negeri Sembilan juga berhasrat memberi penekanan kepada perindustrian yang mempunyai nilai ditambah. Persekitaran yang mesra perniagaan dan pemerksaan IKS juga dikenal-pasti akan diberi tumpuan dalam RMKe-10.

13. **Sektor pertanian** terus menjadi antara enjin pembangunan utama negeri selain daripada sektor perkhidmatan dan perindustrian. Bagi mencapai hasrat sebagai kebun bagi Lembah Klang, Negeri Sembilan berhasrat untuk mencapainya dengan meningkatkan pengeluaran padi daripada 20% kepada 40% keperluan sara diri pada tahun 2013, mewujudkan TKPM/Ladang Rakyat di setiap daerah, menggalakkan penyertaan usahawan tani dan syarikat swasta dalam pengeluaran tanaman makanan yang berkualiti dan selamat dimakan, meningkatkan pengeluaran ikan kepada 15% tahap saradiri dan meningkatkan pengeluaran industri lembu pedaging.

14. Peranan **sektor ICT** sangat penting sebagai *enabler tools* kepada peningkatan daya saing aktiviti ekonomi. Oleh itu, Negeri Sembilan berhasrat memperkukuhkan penggunaan ICT dalam sektor awam dengan mencapai matlamat sebagai e-government pada tahun 2020. Justeru, usaha akan digiatkan untuk memperkasakan infrastruktur dan ketersediaan ICT bagi menjana kecekapan dalam sistem penyampaian, menjadikannya *strategic enabler tools* bagi menyokong sektor pelancongan dan pertanian serta membudayakan ICT di kalangan masyarakat.

15. **Modal Insan** adalah sumber tidak ternilai yang perlu dilatih supaya menjadi insan-insan yang berintegriti dan berkemahiran. Oleh itu, liputan kemudahan pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan dan perkhidmatan sosial perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar. Dalam hal ini, kerjasama strategik dengan Kerajaan Pusat dan sektor swasta sangat penting kerana kemudahan berkenaan memerlukan sumber yang besar. Dalam masa yang sama, Negeri Sembilan berhasrat untuk memperkemaskan Dasar Jaringan Keselamatan Sosial bagi memastikan rakyat

miskin, mudah miskin dan berpendapatan rendah di berikan pembelaan sewajarnya. Bagi mencapai hasrat berkenaan, kompetensi kakitangan agensi berkenaan akan dipertingkatkan, sistem penyampaian bantuan ditambah-baik, kesedaran pendidikan untuk perubahan minda kumpulan sasar diadakan supaya golongan ini berupaya keluar daripada kepompong kemiskinan. Sesungguhnya kemiskinan itu hampir kepada kekufuran. Selain daripada itu, tumpuan juga akan diberikan kepada program-program untuk meningkatkan kepemimpinan di peringkat akar umbi bagi melicinkan agenda kerajaan.

16. Agenda **pembangunan usahawan bumiputera** adalah satu agenda khusus yang penting. Bagi meningkatkan bilangan usahawan bumiputera yang berdaya saing, strategi telah diatur untuk mewujudkan budaya keusahawanan, meningkatkan pengetahuan usahawan bumiputera dalam penggunaan teknologi dan ICT, memantapkan program pembangunan francais serta meningkatkan premis perniagaan dan pemasaran produk bumiputera. Tumpuan juga akan diberikan kepada penyelarasan program-program pembangunan usahawan bumiputera di antara agensi yang terlibat supaya tiada pertindihan golongan sasar dan program yang terlaksana.

17. **Pembangunan infrastruktur dan utiliti** akan ditumpukan kepada peningkatan kecekapan sistem pengangkutan awam dan perhubungan bagi mengukuhkan daya tahan dan daya saing ekonomi. Negeri Sembilan akan menggunakan sepenuhnya Kajian Pelan Strategik Sistem Pengangkutan Awam untuk menyediakan pengangkutan awam yang mampan, seimbang, berintergrasi dan berdaya maju menjelang 2030. Di antara misi yang perlu dicapai adalah pengangkutan yang menyokong dan memberangsangkan pembangunan sosio-ekonomi seimbang di Negeri Sembilan dan Konurbasi Kuala Lumpur, pengangkutan multimodal berintegrasi dan menyeluruh dengan keutamaan pilihan mod awam dan penubuhan institusi dan penambah-baikkan industri pengangkutan awam yang progresif serta berdaya saing dan berdaya maju. Tumpuan juga akan diberikan untuk mencapai liputan 100% utiliti iaitu bekalan air, elektrik dan telekomunikasi menjelang berakhirnya RMKe-10. Bagi merealisasikan hasrat ini, Negeri Sembilan akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan pihak swasta bagi menjayakan hasrat berkenaan.

Kriteria pemilihan program/projek RMKe-10

18. Program/projek yang akan diberi keutamaan dalam RMKe-10 selain daripada program/projek RMKe-9 yang akan disambung pelaksanaannya adalah program/projek yang memenuhi matlamat pembangunan seperti yang dijelaskan di atas. Keutamaan akan diberi kepada program/projek:-

- 18.1 yang bertujuan mencapai pembangunan yang seimbang antara bandar dan luar bandar;
- 18.2 yang dapat merangsang pertumbuhan bandar-bandar kecil;
- 18.3 yang dapat mempertingkatkan daya saing sektor pelancongan;
- 18.4 yang dapat mengukuhkan pertumbuhan sektor pembuatan dan merangsang sektor IKS;
- 18.5 yang dapat merangsang sektor pertanian yang mempunyai nilai yang ditambah pada skala besar;
- 18.6 yang menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berintegriti dan berdaya saing;
- 18.7 yang menyumbang kepada pembasmian kemiskinan dan pengagihan hasil ekonomi secara saksama;
- 18.8 yang menyumbang kepada pembangunan mampan dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam;
- 18.9 yang dapat menggalakkan penggunaan ICT yang bersesuaian dengan kehendak semasa;
- 18.10 yang memberi nilai tambah kepada aktiviti ekonomi sedia ada; dan
- 18.11 yang mempunyai rekabentuk dan struktur praktikal serta nilai estetika tinggi bagi menyokong pertumbuhan sektor pelancongan.

Penutup

19. Negeri Sembilan berharap rancangan pembangunan yang diatur akan membantu melonjakkan prestasi ekonomi supaya hasrat mencapai negeri maju menjelang tahun 2020 berada di landasan yang betul. Usaha-usaha berterusan akan terus dilaksanakan untuk mempertingkatkan taraf kualiti hidup rakyat Negeri Sembilan secara keseluruhan.

Sektor Makro

Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan

April 2009